

FAKTOR-FAKTOR PENGEKANG DALAM PERUBAHAN SOSIAL

Suhaila binti Sharil¹
Mohamed Fairouz bin Mohamed Fathillah²
Dr. Muhammad Yosef Niteh³
Maad Ahmad⁴
Mukhamad Khafiz bin Abdul Basir⁵
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Dewasa ini, kita sering melihat anjakan perubahan sosial tidak kira sama ada kepada individu, masyarakat mahupun Negara. Perubahan sosial memainkan peranan penting ke arah menjadikan Malaysia dan Islam sebagai sebuah Negara yang berdaulat dan mampu berdaya saing dalam memacu transformasi ummah. Apabila terdapatnya perubahan sosial tentunya di sebalik tirai tersebut mengungkapkan beberapa faktor yang menjadi pendorong perubahan tersebut. Akan tetapi, di sebalik faktor pendorong perubahan sosial tersebut, tersembunyi beberapa intipati yang menjadi faktor-faktor pengekang perubahan sosial. Maka, kajian ini ditulis untuk mengetahui perubahan sosial dan mengkaji faktor-faktor pengekang dalam perubahan sosial. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif dan hasil kajian mendapati terdapat sembilan faktor pengekang dalam perubahan sosial antaranya kurangnya hubungan sesama masyarakat, cara berfikir yang tidak selari dengan perkembangan ilmu, sikap masyarakat yang statik, masyarakat yang mempunyai kepentingan tertentu, prasangka terhadap perkara baru, taksub terhadap ideologi, adat dan kebiasaan, kemiskinan serta taklid. Oleh yang demikian, pembentukan dalam acuan masyarakat amatlah penting untuk menerima perubahan sosiobudaya melalui perubahan sosial dan menangani faktor-faktor pengekang dalam perubahan sosial.

¹ Suhaila binti Sharil. Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. suhaila.sharil@kuis.edu.my

² Mohamed Fairouz bin Mohamed Fathillah. Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. mfairouz@kuis.edu.my.

³ Muhammad Yosef Niteh (Dr.). Dekan Asasi. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. myosef@kuis.edu.my

⁴ Maad Ahmad. Ketua Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. maad@kuis.edu.my

⁵ Mukhamad Khafiz bin Abdul Basir. Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. mukhamadkhafiz@kuis.edu.my

Kata kunci: *Faktor pengekekang, perubahan, sosial.*

PENDAHULUAN

Perubahan sosial pada masa kini semakin kerap berlaku terutamanya kepada masyarakat sama ada yang tinggal di kawasan bandar mahupun luar bandar. Perubahan sosial ini adakalanya terhalang oleh beberapa faktor pengekekang yang begitu dominan dan memainkan peranan penting dalam masyarakat. Namun untuk memastikan perubahan sosial tersebut berjalan seiring dengan kemajuan yang dikecapi rakyat, kita perlu mengetahui apakah faktor-faktor pengekekang dalam perubahan sosial yang berkait rapat dengan istilah sosiologi. Ini kerana ilmu sosiologi banyak membicarakan tentang kehidupan sosial manusia dan masyarakat. Pengasas sosiologi di Barat iaitu Augustus Comte (1798-1857) telah menggabungkan perkataan Latin iaitu sosio dan logos menjadi apa yang dikenali sebagai sosiologi sehingga kini (Mayshil Man, 1994) dan (A. Hasan Dawi, 2009). Menurut peradaban Islam, Ibnu Khaldun (1332-1406) adalah tokoh awal pada abad tersebut yang mengkaji masyarakat sehingga beliau diterima sebagai pelopor dalam bidang ilmu ini. Antara aspek penting yang dikaji ialah berkenaan perubahan dan fenomena sosial (A. Hasan Dawi, 2009). Dalam hal kemasyarakatan, asas kepada pembentukan masyarakat adalah manusia. Beberapa orang manusia yang berinteraksi antara satu sama lain membentuk kumpulan kecil. Kumpulan-kumpulan kecil akan membentuk kumpulan besar seterusnya daripada kumpulan ini akan membentuk kumpulan yang lebih besar dan seterusnya membentuk komuniti. Komuniti boleh dianggap sebagai masyarakat kecil. Gabungan daripada komuniti-komuniti akan melahirkan sebuah masyarakat. Oleh yang demikian, masyarakat hari ini telah didominasi oleh ciri-ciri moden. Pembentukan masyarakat moden melibatkan proses perubahan daripada ciri-ciri masyarakat yang dikatakan lama kepada sesuatu yang dianggap baru. Asas masyarakat iaitu manusia adalah makhluk yang dinamik di mana sering melakukan perubahan. Ini juga bermakna perkembangan tamadun manusia sentiasa mengalami proses perubahan. Maka perubahan telah menjadi ciri masyarakat (A. Hasan Dawi, 2009). Perubahan-perubahan masyarakat moden telah disedari oleh ilmuan sosiologi dan mengkaji perubahan sosial merupakan suatu tradisi dalam bidang sosiologi.

Definisi Faktor-Faktor Pengekekang dalam Perubahan Sosial

Menurut Kamus Dewan edisi Keempat (2005:153) faktor didefinisikan sebagai kaedah yang digunakan untuk mengkaji sesuatu tindakan bagi melihat beberapa kepentingan tersebut. Begitu juga dengan istilah faktor yang didefinisikan menurut Kamus Pelajar (2003:124) iaitu peristiwa, ciri atau unsur yang mempengaruhi dan akan menyebabkan terjadinya sesuatu perkara. Manakala pengekekang pula dapat diungkapkan sebagai

penghalang, mencegah, melarang dan tidak membenarkan seseorang melakukan sesuatu serta menjadi penyekat kepada sesuatu perubahan. Perubahan sosial dari perspektif Kamus Dwibahasa (1979:1186) bererti setiap aktiviti atau kegiatan manusia di dalam masyarakat yang dilakukan untuk kepentingan bersama (Muhammad Muslehuddin 1975:121). Istilah ini juga apabila dihubungkan dengan manusia membawa pengertian sebarang kelakuan atau sikap yang dipengaruhi oleh pengalaman-pengalaman dan tingkah laku orang lain sama ada sebelum, semasa atau selepas yang berlaku secara langsung atau tidak langsung. Perubahan sosial dalam pengertian sekular pula biasanya berlaku dalam bentuk pindaan-pindaan nilai yang tidak mengubah dasar utama manakala dari perspektif Islam perubahan sosial merupakan perubahan total yang berdasarkan kepada perubahan nilai disebabkan perubahan di atas dasar aqidah (Abu Urwah 2001:57).

Sosial menurut perspektif istilah membawa erti pergaulan hidup atau hubungan sesama individu (Al-Tanubi, 1995). Ia bererti pergaulan atau hubungan manusia dengan mempertahankan hubungan teratur antara individu dengan individu lain dalam kelompok masyarakat (Sidi Gazalba, 1976,). William F. Ogburn berpendapat ruang lingkup perubahan sosial meliputi unsur-unsur kebudayaan sama ada material mahupun bukan material. Unsur-unsur material mempunyai pengaruh besar ke atas unsur yang bukan material. Kingsley Davis pula berpendapat perubahan sosial merangkumi perubahan dalam bentuk struktur dan fungsi masyarakat contohnya melalui perubahan sosial maka terhasilnya pekerja-pekerja buruh dalam masyarakat kapitalis. Selain itu, beliau juga berpendapat apabila perubahan sosial itu terjadi maka perubahan hubungan antara buruh dan majikan akan menjadi satu perubahan ekonomi dan politik (Soerjono Soekanto 1974:217). Perubahan sosial menurut istilah ia merujuk kepada beberapa definisi yang diberikan oleh ahli sains sosial seperti terkandung dalam buku Wilbert E. Moore yang mendefinisikan perubahan sosial sebagai perubahan penting dari struktur sosial (Wilbert E. Moore, 1986). Perubahan sosial juga didefinisikan sebagai segala bentuk perubahan institusi sosial dalam satu masyarakat yang akan mempengaruhi sistem sosialnya, termasuk di dalamnya nilai-nilai, sikap dan pola-pola perilaku kelakuan di antara kelompok-kelompok dalam masyarakat ('Adli 'Ali Abu, 1997) dan (Rohana Yusof, 2006).

Dalam menjelaskan definisi perubahan sosial, beberapa aspek penting perlu dijelaskan dalam memahami erti perubahan sosial. Antaranya erti lembaga sosial ialah unsur yang mengatur pergaulan hidup untuk mencapai tata tertib melalui norma (Alpizar, 2008). Mac Iver pula berpendapat bahawa perubahan sosial boleh didefinisikan sebagai perubahan hubungan sosial atau perubahan keseimbangan hubungan sosial. Gillin pula

memandang perubahan sosial sebagai penyimpangan cara hidup yang telah diterima, disebabkan perubahan keadaan geografi, kebudayaan material, komposisi penduduk, ideologi ataupun penemuan baru dalam masyarakat. Terdapat banyak lagi definisi perubahan sosial yang diistilahkan oleh sejarawan antaranya ialah Samuel Koenig. Beliau menyatakan bahawa perubahan sosial adalah perubahan yang terjadi dalam pola kehidupan manusia disebabkan oleh beberapa perkara (Soerjono Soekanto 1974:218).

Menurut Selo Soemadjan pula, perubahan sosial adalah segala perubahan yang berlaku dalam kemasyarakatan serta mempengaruhi sistem sosial dari aspek nilai, sikap, dan perubahan dalam suatu kelompok masyarakat (Sidi Gazalba 1983:12). Menurut Kamus Dewan edisi Keempat pula, perubahan sosial boleh didefinisikan sebagai perubahan yang menyeluruh dan mendadak dari segi cara berfikir, bertindak dan sebagainya. Selain itu, perubahan sosial juga turut didefinisikan sebagai perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan lebih baik contohnya dalam kebudayaan masyarakat. Jika dilihat dalam konteks Kamus Pelajar pula, perubahan sosial dianggap sebagai segala hal yang berkaitan dengan masyarakat. Jelasnya, suatu sistem sosial memerlukan unit itu sebagai individu-individu atau sebagai pelaku yang mana interaksinya dipelihara oleh peraturan atau norma (Wilbert E. Moore, 1986).

Bagi Ibn Khaldun pula, beliau menyatakan bahawa manusia amat memerlukan perubahan sosial dalam kehidupan akan tetapi perubahan sosial ini memerlukan pengaruh daripada badan-badan kerajaan untuk mengawasi serta bertindak sebagai agen agar kestabilan dan keamanan dapat diwujudkan untuk menjaga kebajikan di dunia dan di akhirat. Dari perspektif Barat pula, mereka berpandangan bahawa perubahan sosial adalah proses perubahan dalam pembentukan masyarakat dan perubahan tersebut merupakan hak-hak asasi individu.

Justeru, perubahan sosial adalah suatu proses yang berlaku berdasarkan satu urutan masa yang melibatkan peranan dan institusi sesuatu sistem sosial. Perubahan yang dimaksudkan boleh disifatkan sebagai ke arah kemunculan kemerosotan atau pertumbuhan sistem sosial berkenaan. Oleh itu, kelompok masyarakat harus bertindak dalam mengubahsuai cara mereka menjalankan aktiviti, hubungan intraksi serta kepercayaan dan nilai perubahan sosial ialah perubahan pada struktur sosial, begitu juga sistem organisasi sosial dalam sesuatu masyarakat. Perubahan dari segi kehidupan sosial tersebut menunjukkan perubahan dalam struktur sosial dan organisasi sosial, atau ia merupakan sistem sosial yang berkait dengan kehidupan harian iaitu nilai-nilai sosial dan budaya masyarakat dan dapat dirumuskan sebagai perubahan asas yang terjadi dalam struktur sosial, sistem sosial dan organisasi sosial., Apabila terdapat perubahan

ke atas tiga unsur sosial tersebut, ini menunjukkan perubahan sosial telah berlaku (Rohana Yusof, 2006). Oleh yang demikian, daripada istilah-istilah yang dinyatakan oleh pelbagai pendapat dan pandangan seperti dinyatakan di atas, maka dapatlah disimpulkan di sini bahawa faktor-faktor pengekan dalam perubahan sosial merupakan perkara-perkara atau unsur-unsur yang menghalang berlakunya perubahan di dalam kemasyarakatan sama ada dari sudut positif mahupun dari sudut yang negatif. Hal ini memberi implikasi kepada perubahan hubungan sosial dan tingkah laku dalam masyarakat.

Faktor –Faktor Pengekan dalam Perubahan Sosial

Faktor-faktor pengekan dalam perubahan sosial merupakan faktor yang perlu diberi perhatian dalam perubahan sosial. Ini kerana, sekiranya faktor-faktor ini tidak dikenalpasti dan seterusnya ditangani maka kehidupan masyarakat akan menjadi lebih jumud dan tidak berkembang dalam arus peredaran zaman. Sedangkan Nabi Muhammad (s.a.w.) juga tidak menjadikan sesuatu faktor sebagai alasan tidak menerima perubahan sosial contohnya penghijrahan Nabi dari Mekah ke Kota Madinah. Meniti kehidupan manusia yang menjadi khalifah di muka bumi Allah (s.w.t.) maka adalah menjadi tanggungjawab untuk memakmurkan bumi dan menghapuskan segala kerosakkan di dunia ini. Namun, tugas tersebut bukanlah mudah kerana terdapat pelbagai faktor yang menghalang daripada berlakunya perubahan tersebut. Oleh yang demikian, secara analitikalnya maka manusia wajib bertindak untuk memperbaiki dan menghayati peranan mereka dalam menuju ke arah perubahan sosial yang positif. Antara faktor-faktor pengekan dalam perubahan sosial ialah:

1. Kurangnya hubungan sesama masyarakat.

Golongan masyarakat pada ketika ini adakalanya sangat mementingkan bangsa mereka sendiri atau dipanggil “*asabiyyah*” kerana mereka hidup berpuak-puak. Namun demikian, apabila mereka merasai kehidupan bermasyarakat, mereka terlupa bahawa masyarakat pada ketika ini hidup berbilang kaum dan berbilang agama. Semua agama mengamalkan nilai-nilai baik dalam ajarannya. Oleh yang demikian, setiap masyarakat perlu menerima kepelbagaian dalam kebudayaan. Akan tetapi, apabila masyarakat kurang bergaul dan berhubung dengan masyarakat lain, maka perkara ini akan menjadi faktor pengekan dalam perubahan sosial. Akibat daripada kurangnya hubungan dengan masyarakat luar, maka besar kemungkinan tidak akan terjadinya difusi kebudayaan. Oleh sebab itu, masyarakat yang terpencil kebiasaannya akan terikat dengan pola pemikiran yang sempit contohnya dari segi adat (Bustanuddin Agus 2010:68).

Kebudayaan mempunyai ciri-cirinya seperti wujud perubahan. Perubahan kebudayaan ialah satu proses di mana aspek-aspek kebudayaan mengalami pengubahsuaian dari semasa ke semasa mengikut keadaan seperti perubahan pemakaian songket tenun tangan kepada tenunan mesin. Antara ciri-ciri lain ialah sesuatu yang dipelajari iaitu segala bentuk tingkah laku, adat resam, bahasa yang dituturi adalah dipelajari bukan dari nalurinya. Sebagai contoh, kanak-kanak akan mempelajari bagaimana mengamalkan adat resam dan nilai-nilai kebudayaan masyarakatnya. Selain itu, elemen budaya ialah dikongsi bersama oleh sekumpulan manusia. Contohnya, bangsa Melayu, Cina, India menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa rasmi dan ia merupakan satu simbol yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Manakala ciri-ciri yang lain juga ialah ianya mempunyai nilai integratif. Contohnya, sesuatu bangsa itu disatupadukan oleh kebudayaan yang sama seperti baju kebangsaan harus berasaskan kepada baju Melayu dan ini merupakan satu nilai integratif yang boleh menggambarkan perpaduan ahlinya (Siti Fatimah, Siti Khatijah, Zurita 2017:104).

Dalam bentuk hubungan kemasyarakatan contohnya masyarakat orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman, mereka sering ketinggalan daripada menikmati kemudahan dan prasarana walaupun hak mereka sebagai orang Asli Pribumi tidak mampu menyangkal daripada menerima kemudahan tersebut. Sungguhpun demikian, kerajaan merangka strategi untuk membangunkan masyarakat orang Asli agar majoriti daripada mereka dapat berhubung dengan masyarakat luar (Mahayudin Yahaya 2009:232). Namun, terdapat segelintir golongan yang tidak mahu menerima perubahan tersebut contohnya di Pahang, rumah papan yang terletak di pedalaman digantikan dengan rumah batu yang dibina berdekatan dengan perumahan lama mereka akan tetapi mereka tetap tidak mahu berpindah dengan alasan tidak pandai bergaul dengan masyarakat lain dan pantang larang datuk nenek moyang agar mempertahankan kampung halaman daripada anasir-anasir luar serta terus menetap di tempat tersebut sehingga akhir hayat. Firman Allah (s.w.t.)

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat Dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi". malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" maka orang-orang yang sedemikian

itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.

(al-Quran, An-Nisa' 4:97)

Melalui perkara ini dapatlah dianalisa bahawa masyarakat yang suka hidup bersendirian tanpa bergaul dengan masyarakat lain tidak akan dapat menerima perubahan sosial dengan begitu cepat disebabkan kekangan-kekangan yang telah dihadapi serta kurangnya hubungan dengan masyarakat luar. Justeru itu, semua masyarakat seharusnya memberi manfaat antara satu sama lain kerana Allah telah menciptakan manusia dengan berbilang kaum dan sekiranya perkara tersebut tidak mendatangkan manfaat dari segi perubahan sosial tentunya Allah hanya mencipta satu umat sahaja di dunia ini. Sesuatu perubahan sosial akan berlaku apabila wujud perubahan besar secara menyeluruh dalam kelompok masyarakat, seperti berlaku proses inovasi dalam bidang teknologi yang menyebabkan penggunaan pengangkutan dengan menggunakan tenaga haiwan serta perahu sudah semakin pupus dan hampir tidak digunakan. Inovasi ini telah merubah masyarakat kepada penggunaan pengangkutan seperti motor, kereta, van, bas, komuter, kapal terbang, jet dan sebagainya. Dalam konteks 'uruf, perubahan yang disebabkan inovasi teknologi pengangkutan ianya harus kerana menepati perinsip syarak iaitu memudahkan urusan interaksi sesama manusia (Siti Fatimah, Siti Khatijah, dan Zurita 2017:99) Sebagaimana firman Allah (s.w.t.)

Maksudnya:

Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam ugama yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu.

(al-Qur'an, al-Ma'idah 5:48)

2. Cara berfikir yang tidak selari dengan perkembangan ilmu

Perubahan sosial selalunya selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Sekiranya ilmu pengetahuan tersebut tidak berkembang di kalangan masyarakat maka tahap kefahaman dalam mempelajari ilmu pengetahuan akan menjadi faktor pengekan dalam perubahan sosial. Oleh sebab itu, kebiasaanya golongan masyarakat yang terpencil dan golongan yang telah dijajah pemikirannya sangat sukar untuk menerima perubahan sosial. Jika dilihat dalam konteks pemikiran masyarakat yang telah dijajah, mereka telah dikuasai oleh satu kuasa yang telah mentadbir atau menjajahnya ketika itu. Akan tetapi, sekiranya masyarakat tersebut maju dan mendalami ilmu

pengetahuan dengan erti kata yang sebenar maka mereka akan dapat melawan dan bertindak untuk mempertahankan Negara daripada dijajah oleh pihak tertentu sama ada melalui revolusi atau dengan cara pemberontakkan (Sidi Gazalba 1983:135).

Contohnya seperti yang telah dinyatakan oleh al-Turabi secara lisan kepada penulis Buku Islam dan Perkembangan Masyarakat bahawasanya antara faktor penting mengapa pemikiran Islam dalam bidang Syariah menjadi kaku dan beku dan sukar untuk menerima perubahan sosial adalah kerana pencapaian umat Islam masih jauh ketinggalan. Dengan erti kata lain, budaya ilmu belum lagi menjadi asas hidup dan jalan berfikir umat Islam. Semua ini adalah kerana kesan sejarah pahit umat Islam yang telah berabad-abad dijajah oleh kuasa bukan Islam. Ini berlaku akibat kemunduran yang menimpa umat Islam sejak lebih tujuh ratus tahun yang silam. Oleh yang demikian, bukanlah satu perkara yang mudah untuk mengubah kefahaman dan cara berfikir setiap umat supaya selari dengan perkembangan ilmu kerana golongan yang umumnya mempunyai asas pelajaran yang minimum sangat sukar untuk melakukan perubahan demi perubahan (Faisal Othman 1997:103).

Sungguhpun demikian, sekiranya umat sedar akan kepentingan ilmu maka golongan ilmuan dan intelektual akan lahir dan menjalankan tanggungjawab dalam usaha membangunkan semula kesedaran ilmiah. Contohnya seperti Imam Syafiee yang telah menerima pengaruh alam persekitaran dan perubahan masa serta tempat berdasarkan ilmu pengetahuannya. Oleh sebab itu, beliau mengubah fatwanya seperti ketika beliau berada di Baghdad, beliau menyatakan bahawa menyentuh perempuan tidak membatalkan wuduk atau air sembahyang. Akan tetapi apabila beliau berada di Mesir, beliau menyatakan sebaliknya iaitu menyentuh perempuan membatalkan wuduk. Semua ini menunjukkan kesan suasana persekitaran seiring dengan nilai keilmuan yang semakin bertambah di dalam dirinya (Faisal Othman 1997:105). Sepertimana firman Allah (s.w.t).

Maksudnya: Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; Aku akan memimpinmu ke jalan yang betul.

(al-Qur'an, Maryam 19:43)

Oleh yang demikian, wajarlah dikatakan kelembapan ilmu pengetahuan menjadi faktor pengekan dalam perubahan sosial kerana medifikasi ilmu pengetahuan amatlah diperlukan dalam perubahan sosial untuk menjadi kayu pengukur dalam menjana kemajuan ummah. Maka natijahnya masyarakat perlu mendalami ilmu

pengetahuan dan mengaplikasikannya supaya perkara tersebut tidak menjadi pengekang dalam perubahan sosial.

3. *Sikap masyarakat yang statik*

Masyarakat yang statik adalah masyarakat yang tidak mahu melakukan perubahan. Sikap statik kebiasaannya bersifat tradisional dan terlalu berpegang pada tradisi masa lalu. Oleh kerana itu masyarakat yang statik beranggapan bahawa mereka menerima apa yang telah terjadi tanpa mencuba untuk mengubah kehidupan. Ini kerana mereka merasakan perkara tersebut tidak akan berubah untuk selama-lamanya. Justeru, nilai dan norma mengawal ketat kehidupan mereka sehingga mereka menolak sebarang bentuk perubahan sosial disebabkan perubahan tersebut berlawanan dengan tradisi (Sidi Gazalba 1983:135). Contoh yang terdekat dapat diambil ialah dalam konteks adat, budaya dan agama. Pada zaman dahulu, orang-orang Sepanyol tidak memakai kopiah maka terdapat golongan masyarakat yang statik beranggapan bahawa pemakaian mereka tidak sopan, dan boleh menjatuhkan maruah sedangkan ulama Mazhab maliki berpendapat sebaliknya (Faisal Othman 1997:106).

Oleh yang demikian, sebenarnya faktor tersebut berubah mengikut kepentingan umum dan juga kebiasaan yang diamalkan didalam suatu masyarakat. Terdapat juga masyarakat yang menyembah berhala walaupun mereka tahu berhala tersebut tidak mendatangkan apa-apa. Lalu ketika Islam datang membawa perubahan mereka menolak sekeras-kerasnya dengan menganggap bahawa nenek moyang selalu menyembah berhala dan amalan tersebut tidak boleh terhapus ditelan zaman. Masyarakat seperti ini selalunya mementingkan nilai tradisi dan mereka beranggapan bahawa semua yang dibawa oleh ajaran nenek moyang adalah benar. Sepertimana firman Allah (s.w.t.)

Maksudnya: Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apakah hakikatnya patung-patung ini yang kamu bersungguh-sungguh memujanya?" Mereka menjawab: "Kami dapati datuk nenek kami selalu menyembahnya".

(al-Qur'an, al-Anbiya' 21:53-54)

Dari itu, jelaslah bahawa masyarakat yang statik lebih menjurus kepada tradisi dan adat di masa lampau yang sangat menilai daripada aspek norma serta kepercayaan individu. Sikap konservatif yang menolak secara total kesemua bentuk perubahan membantutkan proses perubahan sosial. Seharusnya sikap tidak ambil peduli dan degil

perlu dikikis bagi mengelakkan mereka daripada terjerumus ke dalam lembah kekufuran.

4. Mempunyai kepentingan tertentu

Masyarakat seperti ini kebiasaannya sering mempertahankan sesuatu untuk tidak berubah ke arah yang lebih positif disebabkan mereka mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu. Mereka selalu memperjuangkan kepentingan tersendiri disebabkan kluatir akan hilangnya nilai kedudukan di mata masyarakat. Oleh yang demikian, pakatan-pakatan seperti ini akan bertindak sebagai anti-perubahan. Jika diamati dalam revolusi Indonesia, angkatan 45 yang berjaya menggerakkan revolusi akhirnya menjadi tradisional demi mempertahankan kedudukannya (Sidi Gazalba 1983:135).

Sejarah awal manusia menyaksikan beberapa fakta yang melihatkan bagaimana hak-hak manusi diselewengkan di atas kepentingan-kepentingan tertentu dengan mengikut ketentuan, kebudayaan dan kepercayaan masyarakat ketika itu. Jaminan hak asasi manusia menjurus kepada hak 'might's rights' yang dipadukan kekuatan atau kekuasaan. Undang-undang Babylon yang merupakan perundangan tertua sehingga ke hari ini memberikan kuasa kepada ketua keluarga untuk menjual anggota keluarganya, mengharuskan lelaki untuk membunuh isteri yang ingin diceraikan dan mencampakkan dalam keadaan separuh bogel untuk mengisytiharkan sudah bebas daripadanya. Oleh yang demikian, mereka menolak seratus-peratus sebarang bentuk perubahan sosial bagi mempertahankan kepentingan mereka agar masyarakat terus memandang tinggi dengan amalan yang telah dibuat (Mohd Azizuddin 2002:1).

Di samping itu, pada masa pemerintahan Firaun yang bernama Hammurabi pula, undang-undangnya memperuntukkan hak dalam menjaga isteri-isterinya yang mana apabila seorang lelaki membuat tuduhan ke atas isterinya kerana melakukan zina tanpa bukti maka isteri tersebut hendaklah dicampakkan di dalam sungai. Jika isteri tersebut ditenggelami air, maka bermakna isteri tersebut adalah suci maka sekiranya isteri tersebut tenggelam, perkara yang berlaku adalah sebaliknya. Masyarakat seperti ini jelas tidak membawa sebarang bentuk perubahan kerana sudah terang lagi bersuluh bahawa adalah mustahil iateri tersebut tidak tenggelam apabila masuk ke dalam air (Mohd Azizuddin 2002:1).

Oleh yang demikian, Islam datang membawa perubahan sosial dengan menyamakan hak di antara lelaki serta wanita tanpa sebarang kepentingan tertentu dan perlu mendatangkan 4 orang saksi sekiranya membuat tuduhan zina. Walaubagaimanapun,

pemerintahan Firaun tetap mempertahankan hak kepentingan mereka dengan menolak sekeras-kerasnya perubahan sosial tersebut. Justeru itu, orang Mesir yang pada setiap tahun akan mengadakan Pesta Sungai Nil dibiarkan terus berpesta meraikan perayaan mereka. Hanya yang diminta oleh Umar supaya dihentikan pengorbanan nyawa manusia kerana dalam perayaan pemujaan Sungai Nil tersebut, setiap tahun mesti dikorbankan seorang gadis Mesir yang tercantik dengan meneggelamkannya didalam Sungai Nil. Umar memerintahkan gadis itu digantikan dengan patung mainan sahaja (Faisal Othman 1997:108).

Begitulah yang terjadi kepada masyarakat yang terlalu mementingkan kepentingan tertentu sehingga merencatkan sebarang bentuk perubahan sosial. Disebabkan kekangan tersebut, terjadinya faktor yang menghalang daripada perubahan sosial terus berlaku hanya kerana adat serta kebiasaan mereka. Sepertimana firman Allah (s.w.t) di dalam al-Quran, apabila nabi Ibrahim yang diajak berburu untuk meraikan pesta Sungai Nil maka Nabi Ibrahim telah menjawab dengan

Maksudnya: Lalu berkata: "Sesungguhnya aku merasa sakit (tak dapat turut berhari raya sama)".Setelah (mendengar kata-katanya) itu, mereka berpaling meninggalkan dia.

(al-Qur'an, as-Saffat 37:89-90)

Justeru, dapatlah dijadikan pengajaran daripada peristiwa-peristiwa tersebut sebagai peringatan kepada manusia yang sering menolak sebarang bentuk perubahan sosial walaupun perubahan tersebut memberi sepenuh manfaat kepada manusia.

5. *Prasangka terhadap perkara baru kerana khuatir budaya terhakis.*

Dalam ajaran Islam, kebudayaan ialah cara berfikir dalam bentuk yang menyatakan diri dalam seluruh aspek manusia sehingga membentuk perubahan sosial. Kebudayaan juga merupakan kepercayaan kepada agama, ianya adalah sebagai rentetan. Secara tidak langsung perkara ini membentuk integrasi (bulatan) yang akan berdiri dengan sendirinya. Oleh kerana masyarakat tersebut khuatir akan tergugatnya kebudayaan mereka, maka masyarakat tidak mahu adanya perubahan sosial. Ini kerana mereka terlalu takut untuk menerima disebabkan beberapa tanggapan yang menyatakan bahawa perubahan itu akan dapat memisahkan kehidupan mereka antara agama dan budaya, Contohnya ialah sekolah-sekolah agama yang berteraskan sistem Islam di Negara Indonesia dan Malaysia. Pada masa zaman penjajahan, mereka telah memperkenalkan sekolah umum yang bersifat sekular, lalu masyarakat terus menentanginya tanpa menyiasat terlebih dahulu faedah yang akan diperolehi daripada sekolah umum tersebut

seperti bentuk pengajaran yang akan memudahkan masyarakat mengkaji Sains, Matematik dan lain-lain. Ini disebabkan mereka sangat kluatir budaya yang selama ini dipertahankan akan hilang ditelan zaman (Sidi Gazalba 1983:136). Adalah dimaklumi secara jelasnya sekularisme boleh dikatakan sebagai suatu aliran atau fahaman yang memisahkan antara urusan keduniaan dengan urusan keagamaan atau suatu kepercayaan dan kefahaman yang menganggap bahwa urusan keagamaan tidak harus dicampur dengan urusan-urusan lain, termasuklah urusan negara, politik, pentadbiran dan sebagainya. (Che Yusoff 1988: 114). Apabila umat Islam mengamalkan kebudayaan tanpa mengaitkan dengan agama, maka ramai yang berfikiran kebudayaan mereka akan menjadi sekular semata-mata seperti apa yang berlaku dalam masyarakat Barat. Namun sebenarnya Islam tidak memerangi golongan-golongan yang berbeza agama. Bahkan Islam menyuruh berlaku adil tanpa menaruh prasangka melainkan apabila mereka memerangi agama barulah kita boleh memerangi mereka. Sepertimana firman Allah (s.w.t.).

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.
(al-Qur'an, al-Mumtahanah 60:8)

Pada zaman Rasulullah (s.a.w), baginda sentiasa mengambil kira hakikat wujudnya pelbagai bangsa dan kaum sekaligus membawa implikasi perbezaan gaya hidup dan adat kebiasaan. Nabi tidak mengajar supaya setiap kaum dan bangsa menyamakan adat dan kebiasaan mereka. Justeru, Islam datang dengan menuntut seluruh umat manusia mempelajari bahasa Arab supaya dapat memahami isi kandungan al-Qur'an. Seperti kata syair Arab “ Bahasa al-Qur'an bahasa syurga”. Berdasarkan hakikat ini, dasar Islam bersifat umum dan berbentuk fleksible namun terdapat masyarakat yang kluatir sekiranya mereka mempelajari bahasa Arab maka mereka telah melanggar fahaman dan menjadikan diri mereka sebagai orang Arab. Lalu, mereka kluatir budaya terhakis dan menolak segala bentuk bahasa atau fahaman baru (Faisal Othman 1997:113). Melalui kefahaman inilah, maka terdapat golongan yang enggan menerima perubahan sosial sewenang-wenangnya untuk mempertahankan budaya agar tidak dicampuri unsur-unsur material lain.

Menurut sejarah, Barat melancarkan gerakan penjajahan ke atas dunia Islam menerusi peperangan Salib yang panjang iaitu 200 tahun yang digerakkan oleh pihak Gereja Kristian Eropah. Menurut Muhammad Asad (1975) peperangan salib ini jugalah yang

pertama dan utama dalam menentukan sikap Eropah terhadap Islam untuk beberapa abad seterusnya. Ia juga adalah pertama kalinya dalam sejarah Eropah di mana mereka bersatu menentang dunia Islam. Seperti pandangan Muhammad Asad bahawa Eropah moden lahir melalui semangat perang salib (Amir Hamzah 1997:145). Tambahan pula, penjajahan British berlaku di Tanah Melayu selepas Perjanjian London dibuat pada tahun 1824 (Anon 2007: 15). Akibat daripada peristiwa ini, terdapat masyarakat yang enggan menerima setiap perkara baru terutamanya yang berasal dari Barat. Ini kerana mereka risau bahawa sekiranya mereka melalui perkara-perkara yang baru, penjajah dapat menyebarkan pengaruh kefahamannya. Dengan ini, masyarakat tradisional mempunyai prasangka terhadap perkara baru atau asing, kerana beranggapan perkara tersebut boleh merosakkan atau melemahkan adat.

Selain daripada itu juga, perasaan takut terhadap perkara-perkara yang baru dan moden dapat memusnahkan pola kehidupan mereka. Contohnya ialah seperti yang pernah berlaku di Sabah. Sistem ekonomi mereka merupakan sistem yang berunsurkan tradisional. Mereka tidak menggunakan alat-alat teknologi dalam proses pengeluaran mereka. Mereka bergantung kepada saudara-mara, sahabat handai dan jiran tetangga dalam pembuatan kerja-kerja mereka. Oleh itu, mereka takut untuk menggunakan sesuatu yang baru, iaitu teknologi moden dalam penghasilan serta pengeluaran kerja-kerja mereka kerana ditakuti perkara tersebut akan memusnahkan kebudayaan dan masyarakat mereka.

6. Taksud terhadap ideologi atau kebudayaan

Setiap usaha yang telah dikerah untuk mengadakan perubahan pada unsur kebudayaan rohaniah dianggap sebagai suatu usaha yang berlawanan dengan ideologi, kepercayaan atau agama yang dianuti oleh masyarakat kerana pada dasarnya adalah dalam konteks perpaduan masyarakat tersebut. Unsur-unsur kebudayaan rohaniah yang berkait dengan cara berfikir dan telah ditanamkan di dalam jiwa sejak kecil lagi melalui pembudayaan merupakan sebahagian daripada keperibadian. Perkara ini ini tidak mudah untuk diubah dengan sewenang-wenangnya. Bahkan jika dilihat perubahan dari segi kebudayaan material adalah sebaliknya, kerana unsur ini amat mudah berubah sekiranya perubahan tersebut menghasilkan sesuatu yang lebih baik dan berguna.

Contoh yang terdekat adalah dalam parti politik. Kebanyakan masyarakat terlalu taksud dengan ideologi dan pemikiran sehingga mereka tidak mampu menerima ideologi-ideologi baru. Apatah lagi dalam arus perubahan sosial. Parti politik dianggap sebagai musuh dan mereka tidak memikirkkan bahawa Islam juga membawa wadah dari sudut ekonomi, politik dan sebagainya. Untuk itu, masyarakat harus membuka minda dengan

berfikiran secara terbuka bagi membawa wahana perubahan sosial dalam zaman globalisasi masa kini.

Fenomena perubahan dalam masyarakat wujud apabila tindakan ahli komuniti saling mempengaruhi dan dipengaruhi oleh struktur sosial dan institusi serta unit yang sedia wujud dan saling terjalin di antara satu sama lain dari aspek nilai, kepercayaan, norma dan tindakan yang dikongsi bersama. Ini bererti individu dan struktur sosial saling bertindak dalam merancang dan menentukan haluan perubahan. Sebagai contoh, kewujudan segelintir kelompok elit dalam sistem pemerintahan yang berkuasa dan berautoriti dalam membuat keputusan semasa merancang pembangunan dalam bidang ekonomi atau pun politik, telah berupaya menguasai, mengawal dan menyalurkan pengagihan sumber-sumber yang terbatas. Perancangan yang dibuat dipengaruhi juga oleh faktor sejarah sesebuah negara seperti faktor penjajahan yang telah menyebabkan pemusatan kuasa dan kawalan dalam kalangan segelintir kelas sosial dalam sektor atau bidang tertentu sehingga sumber-sumber pengeluaran dalam pembangunan hanya dikuasai oleh segelintir kelompok sosial sahaja. Pencerahan kepada realiti tersebut seperti revolusi hijau merupakan satu contoh klasik dalam pengajian pembangunan di mana perubahan daripada pertanian yang bercirikan sara diri kepada pengeluaran yang bersifat komersial telah berlaku di negara-negara membangun. (Siti Fatimah, Siti Khatijah, Zurita 2017:104).

7. Adat atau kebiasaan

Setiap masyarakat pasti memiliki adat serta kebiasaan tertentu yang harus diikuti oleh seluruh anggota masyarakat. Adat dan kebiasaan dikatakan berfungsi sebagai pedoman dalam tingkah laku sesuatu masyarakat. Adat biasanya berisi pola-pola perilaku yang telah diyakini dan diterima oleh masyarakat secara turun-temurun, bersifat kekal (abadi). Oleh kerana itu, pelbagai perkara harus diikuti oleh seluruh anggota masyarakat. Ini bermakna, apabila ada sebahagian masyarakat yang mengabaikan aturan adat maka mereka akan dipandang serong di kalangan masyarakat tersebut. Apabila dalam sesuatu masyarakat itu muncul nilai budaya atau kebiasaan-kebiasaan yang baru yang akan menghapuskan kebiasaan-kebiasaan lama, apatah lagi sampai melanggar adat kebiasaan yang selama ini dijadikan sebagai pedoman serta aturan-aturan yang dipegang teguh secara turun-temurun, maka nilai-nilai dan kebiasaan-kebiasaan yang baru itu akan ditentang atau ditolak.

Tambahan lagi, adat yang membentuk keperibadian masyarakat dan merupakan unsur kebudayaan rohaniah akan bertahan gigih, dengan demikian perkara tersebut boleh menghambat perubahan (Sidi Gazalba 1983:137). Contoh yang berlaku di Brunei

Darussalam, masih terdapat adat-adat serta kebiasaan yang masih diamalkan di kalangan masyarakat di Brunei Darussalam. Antaranya ialah, menabur beras kepada saudara-mara atau jiran-jiran yang baru pulang daripada menunaikan Haji. Ini adalah kerana sudah menjadi adat serta kebiasaan di dalam masyarakat yang telah diamalkan sejak sekian lama. Tujuannya ialah untuk mendapat tuah daripada jemaah haji tersebut. Begitu juga, pasangan yang ingin berkahwin harus melakukan upacara ‘berbedak mandi’ iaitu bertujuan agar pasangan itu diberi kesuburan dan kebahagiaan selepas kahwin nanti.

Inilah di antara adat-adat dan kebiasaan yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat di Brunei Darussalam kerana kepercayaan yang kuat dan teguh. Oleh itu, ia menghalang daripada sesuatu yang dapat merubah adat-adat dan kebiasaan itu.

8. *Kemiskinan*

Secara umumnya, kemiskinan ialah satu keadaan di mana seseorang itu kekurangan bahan-bahan keperluan hidup. Dalam masyarakat moden, kemiskinan biasanya disamakan dengan masalah kekurangan wang. Dari dimensi masyarakat, kemiskinan merupakan sesuatu yang terhasil daripada masalah sosio-ekonomi yang wujud dalam sesuatu masyarakat dan bukanlah sesuatu yang diakibatkan oleh kelemahan individu itu sendiri. Antara sebab musabab kemiskinan yang berhubung dengan masalah masyarakat adalah seperti berikut:

I. Konflik

Konflik seperti peperangan, rusuhan dan sebagainya akan menyebabkan kegiatan ekonomi terbantut dan juga membinasakan infrastruktur yang penting untuk menjana kekayaan. Semua ini akan menyebabkan kemiskinan berlaku secara berterusan.

II. Ketidakadilan-Sosial

Menurut teori Marxisme, dalam masyarakat yang mengamalkan ekonomi pasaran bebas, kemiskinan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Dalam masyarakat ini, harta cenderung untuk tertumpu kepada golongan yang terkaya pada masa tersebut, manakala orang yang miskin cenderung menjadi lebih miskin. Ini adalah kerana dalam pasaran bebas, komoditi itu dijual kepada mereka yang mampu menawarkan harga yang lebih tinggi. Prinsip ini menyebabkan faktor pengeluaran seperti tanah telah cenderung untuk dimiliki oleh golongan terkaya, kerana mereka mempunyai kuasa pembelian yang lebih tinggi. Pemilikan faktor pengeluaran ini akan

menyebabkan orang terkaya ini menjadi lebih kaya, dan mereka akan membeli lebih banyak faktor pengeluaran di pasaran bebas. Proses ini akan berterusan, sehingga golongan terkaya ini memonopoli segala faktor pengeluaran, dan menyebabkan orang lain yang berada dalam lingkungan masyarakat miskin tertindas kerana tidak memiliki faktor pengeluaran.

Kemiskinan akan membelenggu suatu kelompok masyarakat. Sebagai contoh jika dilihat dalam konteks masyarakat Asli. Walaupun mereka mencari rezeki dan mempunyai pendapatan akan tetapi pendapatan tersebut tidak mampu untuk menyara keluarga. Ini kerana, kadangkala rezeki yang diperolehi tidak setimpal dengan apa yang telah dilakukan. Adapun apabila rezeki mereka bertambah, mereka sering ditipu oleh peniaga-peniaga Cina. Sebagai contoh sayur-sayuran dan ulam-ulaman yang dicari pada setiap pagi di dalam hutan akan dijual kepada orang tengah iaitu peniaga Cina. Namun peniaga Cina sering menipu mereka dengan membayar wang yang sedikit tanpa belas ihsan (Abdul Ghafar Don, Burhanuddin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani 1998:17). Oleh yang demikian, masyarakat Asli tidak mampu untuk membangun dan menerima perubahan sosial disebabkan kemiskinan yang melarat. Bak kata pepatah ibarat “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”.

Atas dasar ini, kemiskinan boleh menghalang perubahan sosial di kalangan masyarakat tersebut. Ini adalah kerana, kemiskinan akan menyebabkan mereka melalui proses kehidupan yang sama setiap hari. Selagi mereka hidup dalam kemiskinan, selagi itu juga terhalangnya perubahan sosial budaya di kalangan mereka.

9. *Taklid*

Taklid adalah salah satu daripada faktor pengekan dalam perubahan sosial. Terdapat beberapa pengertian taklid antaranya ialah:

- 1) Berpegang pada pendapat ahli hukum yang terdahulu.
- 2) Percaya seratus peratus pendapat orang, menurut, meniru, meneladani orang lain.
- 3) Taklid buta; hanya menurut (mengikut) sahaja.

Taklid dan ijtihad adalah dua sistem berfikir yang berlawanan antara satu sama lain. Apabila sesuatu perkara tersebut diamalkan, maka yang lain akan menjadi lenyap. Umat Islam dalam pemikirannya telah menghadapi satu pilihan, sama ada bertaklid atau berijtihad. Tetapi Islam sebagai ajaran telah meletakkan dan menentukan ijtihad sebagai sistem berfikir. Akan tetapi, taklid dalam sosiobudaya pula ialah

mempertahankan suasana dan setiap keadaan. Dalam sosio-budaya juga, orang yang kuat berpegang kepada ajaran yang diterima daripada guru dalam bentuk warisan generasi sebelumnya akan menyebabkan mereka berpegang teguh dengan menghampirkan diri kepada apa yang telah diajarkan dan mereka tidak mahu menerima sesuatu yang lain. Maka, dalam agama pula, orang yang taat kepada ajaran mengandungi khurafat, jumud, dan syirik akan menolak kesucian agama yang sebenarnya (Sidi Gazalba 1983: 137).

Faktor-faktor yang menjadi pengekang terjadinya proses perubahan ini, secara umumnya boleh merugikan masyarakat itu sendiri. Ini adalah kerana, mereka tidak dapat memiliki keinginan untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Tambahan pula, jika masyarakat tersebut tidak mahu menerima perubahan-perubahan atau hal-hal yang baru. Maka dengan itu, faktor-faktor ini perlu dikikis agar sikap taklid tidak menjadi dominan dalam masyarakat. Jika dinilai dari sudut Islam secara sistematik, pemahaman dan kesedaran seperti ini sebenarnya telah wujud sejak zaman perkembangan Fiqh Islam iaitu pada akhir abad pertama hingga abad kelima Hijrah. Namun demikian, terdapat masalah yang berlaku iaitu aplikasi penghayatan yang tidak berjalan lancar dalam tradisi ilmu disebabkan masyarakat mengamalkan sikap taklid yang mutlak. Sebagai contoh, atas beberapa kesedaran ulama Mazhab Hanafi mutakhir telah mengubah pendapat Imam Hanafi sendiri dengan mengharuskan atau menghalalkan para guru agama mengambil upah daripada orang ramai. Sedangkan amalan dan kebiasaan yang dilakukan pada zaman permulaan Islam ialah tidak membenarkan para guru agama mengambil upah atau mengenakan bayaran terhadap orang ramai yang mempelajari al-Qur'an. Ini kerana Imam Hanafi pada ketika itu hidup dalam suasana di mana pemerintah gaji atau upah kepada guru agama. Maka guru agama tersebut tidak boleh mengambil upah daripada pelajarnya sesuka hati dan mengharamkan daripada menerima bayaran daripada murid tersebut. Namun, apabila masa berlalu dan keadaan berubah kerajaan sendiri menghadapi masalah perbelanjaan dan pembangunan Negara. Oleh yang demikian mereka tidak mampu membayar gaji kepada guru agama. Lalu Mazhab Hanafi mengubah pendapat Imam mereka dengan mengharuskan guru-guru menerima bayaran atau ganjaran daripada rakyat (Faisal Othman 1997:106).

Perkara ini adalah hasil daripada penswastan pendidikan dan pembelajaran. Jika dinilai dari pelbagai sudut, sekiranya masyarakat berterusan mengamalkan sikap taklid, sudah tentu sehingga kini subjek agama dan al-Quran tidak dapat dihayati oleh anak muda pada masa kini kerana sesi pengajaran dan pembelajaran tidak berkembang disebabkan faktor tenaga guru yang kurang kerana kekurangan pembiayaan daripada kerajaan (Faisal Othman 1997:107). Oleh sebab itu, ijtihad amat perlu dalam

menangani konflik taklid dan inisiatif-inisiatif tersebut perlu diketengahkan bagi membawa perubahan sosial kepada masyarakat.

PENUTUP

Jelaslah di sini, kita tidak dapat lari daripada masyarakat yang terlalu spesimis terhadap perubahan sosial. Ini kerana setiap masyarakat mempunyai pandangan dan penilaian yang berbeza mengikut tahap kefahaman dan budaya hidup mereka. Oleh yang demikian, daripada sembilan faktor di atas kebanyakannya telah terjadi pada masa kini dan faktor tersebut menjadi penghalang utama masyarakat Muslim menerima perubahan sosial. Semenjak kemunduran Islam pada abad sebelum ini, masyarakat menjadi kaku dan beku. Apabila kebudayaan Barat menjadi unggul, masyarakat Islam pula seolah-olah memencilkan diri. Maka, dengan sebab itu hubungan dengan masyarakat lain berkurangan.

Secara tidak langsung, perkara ini menyebabkan umat Islam menjadi masyarakat yang mundur disebabkan kekurangan dan kelembapan ilmu pengetahuan. Jika diteliti masyarakat Barat telah naik ke bulan, namun masyarakat Islam bersikap jumud dan bertengkar sesama sendiri mengenai hukum melihat bulan. Sikap masyarakat yang terlalu berprasangka juga akan membuatkan perubahan sosial terencat. Perkara ini bukan sahaja menambah keburukan malah akan menambahkan perpecahan di kalangan masyarakat. Akibat daripada mempertahankan kedudukan dan ideologi sendiri, maka masyarakat telah kehilangan nilai-nilai murni yang seharusnya dititikberatkan dalam kehidupan. Manakala kaum tradisional pula beranggapan bahawa adat merupakan perkara terpenting dan kepercayaan yang harus dijulang tinggi sedangkan agama hanya diletakkan pada nama semata-mata. Mereka khuatir sekiranya masyarakat memandang serong dan hal inilah yang menyebabkan pemikiran mereka tidak berubah. Lalu sebahagian besar umat Islam terus mengamalkan sikap taklid tanpa berfikiran jauh untuk merencana hayat yang ada dalam mendefinisikan wahana perubahan sosial. Begitulah rentetan yang boleh digarap mengenai faktor-faktor pengekang dalam perubahan sosial. Oleh yang demikian, kita sebagai masyarakat harus berganding bahu dan menggembling tenaga untuk menyedarkan masyarakat akan istilah perubahan sosial yang sebenar mengikut perspektif Islam supaya umat Islam tidak jauh ketinggalan dan terus menjadi masyarakat yang membangun pada masa akan datang.

RUJUKAN

‘Adli ‘Ali Abu. 1997. *Fi al-Taghayyur alIjtima‘i* (al-Iskandariyah: al-Maktab al-Jami‘i al-Hadis.

- Abdul Ghafar Don, Burhanuddin Abdullah, Zulkiple Abdul Ghani (pnyt.). 1998. *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Abu Urwah. 2001. *Sistem-Sistem Islam: Satu Analisis dan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Alpizar. 2008. "*Islam dan Perubahan Sosial*" Kertas Kerja Fakulti Usuluddin Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Al-Tanubi, Muhammad 'Umar. 1995. *al-Taghayyur al-Ijtima'i*, Iskandariyyah: Mansha'ah al-Ma'arif Bi al-Iskandariyyah.
- Amir Hamzah Abdul. 1997. *Pertembungan Islam Barat dan Gerakan Penjajah*. Slaid. Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Amir Hasan Dawi. 2009) *Sekolah dan Masyarakat*. Perak: Quantum Books.
- Anon. 2007. Penjajah British dan Kemerdekaan. *Berita Harian*, 15 Oktober, 15.
- Bustanuddin Agus. 2010. *Agama dan Fenomena Sosial: Buku Ajar Sosiologi Agama*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- CheYusoff CheMamat. 1988. *Sekularisme Perkembangannya dalam Masyarakat Muslim*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.
- Ensiklopedia Bebas. 2012. Kemiskinan. <http://ms.wikipedia.org>. [19 Mac 2012].
- Faisal Othman. 1997. *Islam dan Pembangunan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 2005. ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa*. 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. 2003. Kuala Lumpur : al-Hidayah Publications.
- Mahayudin Yahaya. 2009. *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayshil Man. 1994. *Mausu'ah al-'Ulum alIjtima'iyah*, terj. 'Adil Mukhtar al-Hawari dan Sa'ad 'Abd al-'Aziz Masluh. Beirut: Maktabah al-Fallah.
- Muhammad Azizuddin Mohd Sani. 2002. *Hak Asasi Manusia Menurut Pandangan Islam dan Barat*. Pahang : PTS Publications & Distributors.
- Muhammad Muslehuddin. 1975. *Sociology and Islam: A Comparative Study of Islam and Its Social System*. Lahore: Islamic Publications Limited.
- Rohana, Y. 2006. *Asas Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Shalabi.
- Sidi Gazalba. 1976. *Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Polygraphic Press Sdn.Bhd.
- Sidi Gazalba. 1978. *Ilmu Islam 2: Asas Kebudayaan Islam*. Kuala Lumpur: Perusahaan Offset Bumi Kita.
- Sidi Gazalba. 1983. *Islam dan Perubahan Sosiobudaya*. Kuala Lumpur: Penebit Pustaka Antara.
- Siti Fatimah Salleh. Siti Khatijah Ismail. Zurita Mohd. Yusoff. 2017. *Analisis Unsur Perubahan Sosial Dalam Konteks Uruf Menurut Perspektif Syarak*. Global Jurnal al-Thaqafah. Universiti Sultan Azlan Shah. VOL 7 ISSUE 1. June 2017.

- Soerjono Soekanto. 1974. *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia.
- Wilbert, E. M. 1986. *Perubahan Sosial*, terj. Cheu Hock Tong. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka